

**Arkib Negara Sasar Digitalkan Tiga Juta Koleksi Menjelang Tahun Depan
Bernama
29 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Arkib Negara Malaysia (ANM) meletakkan sasaran untuk mendigitalkan tiga juta koleksinya menjelang tahun depan dalam usaha memudahkan orang ramai memperoleh maklumat.

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan) ANM, Azemi Abdul Aziz, berkata setakat akhir tahun lepas, 400,000 koleksi telah berjaya didigitalkan.

"Langkah ini kita buat seiring dengan perubahan semasa, iaitu sebarang maklumat boleh diakses di mana sahaja tanpa mengira sempadan negeri atau kawasan," katanya kepada Bernama di sini Khamis.

Beliau ditemui selepas merasmikan penutupan program Kembara Memorial 1Malaysia Arkib Negara Malaysia bersama Pejabat Pelajaran Bangsar dan Pudu serta Majlis Guru Cemerlang Sejarah Kuala Lumpur.

Azemi berkata proses pendigitalan yang dilaksanakan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) itu juga bertujuan mendekatkan masyarakat dengan institusi yang bertanggungjawab menjaga sejarah negara.

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655709>